

20/07/2002

10,000 dijangka sertai One Nation We care

KUALA LUMPUR, Jumaat - Acara One Nation We Care yang akan diadakan 27 Julai ini di Stadium Nasional dekat sini, bagi meraikan kekukuhan, semangat dan kejayaan negara dijangka dihadiri kira-kira 100,000 orang.

Acara itu bagi meraikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan disertai pelajar kolej dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dari seluruh negara.

Ahli majlis Persatuan Kolej Swasta Malaysia, Profesor Ong Kok Hai, berkata selain pelajar tempatan, program itu juga akan disertai 32,000 pelajar dari luar negara seperti Pakistan, Nigeria, Myanmar, Indonesia, Jepun, New Zealand, Australia, Kanada dan Amerika Syarikat.

"One Nation We Care diadakan untuk menyambut kejayaan negara dalam pelbagai bidang, termasuk meraikan Perdana Menteri yang berkhidmat kepada negara selama 12 tahun," katanya pada sidang akhbar di Wisma Hong Leong di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Penganjur acara itu yang juga Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), KH Chia dan enam pelajar luar negara yang menuntut di kolej swasta sekitar Lembah Klang.

Sementara itu, Chia berkata, acara ini mendapat penajaan sepenuhnya oleh LIAM, Persatuan Insurans Am Malaysia (Piam) serta Persatuan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Kebangsaan Malaysia (Namlifa).

Katanya, selain berhibur dengan persembahan artis terkenal, tarian kebudayaan dan perbarisan tatu, rakyat berpeluang bertemu dan beramah mesra dengan Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Orang ramai juga digalakkan membeli tiket cabutan bertuah (Raffle) dengan harga RM2, dan berpeluang memenangi hadiah menarik bernilai lebih RM350,000 termasuk hadiah utama sebuah kondominium di Bukit Jalil; Nissan Sentra dan Perdana V6. Semua kutipan cabutan bertuah akan disumbangkan kepada dua persatuan kebajikan iaitu, Yayasan Aids Malaysia dan Majlis kanser Negara (Makna).

Orang ramai boleh menghubungi Sekretariat LIAM di talian 03-26916628 atau faks 03-26917978.